



UM.C/PPSG/513/4
11 September 2014

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN 1



YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGIKTIRAFAN PENERBITAN DALAM JURNAL KUMPULAN ARTS AND HUMANITIES CITATION INDEX (A&HCI) SEBAGAI SETARAF DENGAN JURNAL INSTITUTE FOR SCIENTIFIC INFORMATION (ISI)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Ingin saya maklumkan bahawa Universiti Malaya telahpun mengiktiraf penerbitan artikel dalam jurnal kumpulan *Arts & Humanities Citation Index (A&HCI)* sebagai setaraf dengan penerbitan jurnal dalam *Institute for Scientific Information (ISI)*.

Oleh yang demikian, suka saya mengingatkan sekali lagi bahawa penerbitan dalam jurnal kumpulan tersebut untuk diambilkira bagi perkara berikut:

- i. Penilaian prestasi tahunan (KPI) kakitangan akademik
- ii. Permohonan kenaikan pangkat kakitangan akademik
- iii. Permohonan Geran Penyelidikan
- iv. Keperluan penyerahan tesis untuk viva voce PhD
- v. KPI bagi calon *Bright Spark*
- vi. Kriteria penerbitan untuk kemasukan ke program *Bright Spark*

Sehubungan dengan ini, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon supaya dapat mewar-warkan maklumat ini kepada semua ahli akademik di PTj masing-masing. Diharapkan dengan penjelasan ini, dapatlah ahli akademik berusaha dengan lebih gigih dalam menghasilkan penerbitan bermutu serta memberi manfaat bukan sahaja kepada Universiti Malaya tetapi juga kepada masyarakat dan negara.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Profesor Dato' Dr. Mohd Amin Jalaludin
Naib Canselor

s.k. Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Pendaftar
Ketua Pustakawan